

19 NOV 2000

TIGA BADAN KEBAJIKAN DAPAT FAEDAH BAZAR KEBAJIKAN KRISMAS

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Tiga badan kebajikan di negara ini dipilih untuk menerima hasil jualan Bazar Kebajikan Krismas, anjuran satu kumpulan ekspatriat dari Austria, Jerman dan Sweden di sini.

Tiga badan kebajikan itu ialah Yayasan Aids Malaysia, Rumah Kanak-kanak New Life dan Little Sisters of the Poor.

Bazar yang berlangsung di sebuah hotel di sini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Tan Chai Ho.

Bazar itu telah dianjurkan oleh kumpulan berkenaan sejak 1986.

Presiden jawatankuasa penganjur kumpulan itu, Lilian Muzel-Kiviet berkata kumpulan itu berharap dapat mengumpul RM80,000 hasil daripada jualan barangan berupa perhiasan krismas, kraftangan dan kuih-muih di bazar itu.

Baru-baru ini, kumpulan berkenaan menyampaikan cek bernilai RM10,000 kepada presiden Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

"Aids merupakan isu besar di Malaysia dan Eropah dan sumbangan itu adalah sebagai galakan kepada negara tuan rumah kami untuk melaksanakan program berkaitan penyakit berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

CS GM LAT